

# Menangani isu pekerja asing

METRO 24.11.2007 MS12

## Kita dalam dilema apabila peranan mereka masih diperlukan dalam pembangunan negara, tapi pada masa sama cetuskan masalah sosial

“DILEMA Malaysia. Ambil pekerja Vietnam...hilang, ambil pekerja Bangladesh...hilang, ambil pekerja Indonesia...hilang, ambil pekerja India...hilang, ambil pekerja China...hilang, ambil pekerja Malaysia...hilang, ambil Pak Sako (Pengaruh Penguatkuasaan Imigresen, Datuk Ishak Mohamad) pekerja hilang”.

Begitulah kandungan khidmat pesanan ringkas (SMS) yang diterima penulis daripada seorang kenalan lama di Putrajaya baru-baru ini.

SMS itu merumuskan penyakit sosial dan masalah yang berlaku di negara ini sejak kemaskin pekerja asing dari pelbagai negara semakin rancak, terutama bermula era 1990-an.

Untuk berlaku adil kepada pekerja asing dari negara berkenaan, kes itu hanya membabitkan segelintir daripada kira-kira 2.2 juta pekerja asing yang berada di negara ini, namun ia perlu diberi perhatian pihak berkuasa supaya tidak terus merebak pada masa depan.

Biarpun hanya membabitkan sekelompok kecil daripada pekerja terbabit, SMS itu ada kebenarannya kerana ia dikedok daripada berita yang kerap kali dipaparkan pelbagai media selain persepsi yang boleh diterima semua pihak.

Di sebalik masalah terbabit, majikan masih cenderung mengambil pekerja asing kerana mereka dikatakan tidak cerewet berbanding rakyat

tempatan.

Pekerja tempatan dikatakan mementingkan soal gaji dan insentif, tidak sanggup bekerja lebih masa kerana komitmen keluarga dan peribadi, sekali gus boleh menjejaskan produktiviti sesebuah syarikat.

Peranan Bahagian Penguat Kuasa Jabatan Imigresen diketuai Pak Sako kritikal apabila berbicara soal pekerja asing.

Sebagai agensi penguatkuasaan, beliau dan anak buahnya terpaksa bertindak apabila mendapat maklumat mengenai pelbagai kesalahan membabitkan peraturan imigresen.

Tetapi apabila penguat kuasa jabatan itu bertegas dan menahan pekerja asing yang melanggar peraturan, majikan atau syarikat akan menanggung kerugian berikutan operasi perniagaan tergendala.

Inilah dilema yang dihadapi Malaysia dalam mengejar sa-



ISHAK...Pengaruh Penguatkuasaan Imigresen

saran menjadi negara maju menjelang 2020.

Masalah itu akan terus berlaku dari semasa ke semasa jika reformasi untuk mengatasi kemelut itu tidak bersifat menyeluruh.

Sama ada suka atau tidak,

negara masih bergantung kepada pekerja asing, terutama sektor tertentu seperti pembinaan dan perladangan.

Keperluan itu mungkin makin mendesak berikutan usaha Kerajaan Persekutuan memajukan negara secara total.

Pelancaran Wilayah Pembangunan Iskandar (WPI), Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER) dan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) pasti menuntut penggunaan pekerja asing di seluruh negara.

Justeru, perancangan awal harus dibuat di semua peringkat untuk memastikan hanya pekerja asing yang berkualiti diterima masuk dan dibenarkan bekerja.

Berkualiti bermaksud pekerja benar-benar berminat untuk mencari rezeki demi meningkatkan taraf hidup diri dan keluarga, sihat fizikal dan tidak mempunyai penyakit berbahaya selain tidak terbabit dengan jenayah di

negara masing-masing.

Tapisan seharusnya ketat di setiap peringkat. Undang-undang yang ada perlu diperkemas, pertindihan kuasa di antara kementerian diperbetulkan dan pengenal idea baru yang boleh membantu membendung penyakit sosial di kalangan pekerja asing.

Sebagai contoh, Menteri Besar Johor, Datuk Abdul Ghani Othman baru-baru ini berkata kerajaan negeri bercadang mewujudkan penempatan khas untuk pekerja asing yang terbabit dalam pembangunan WPI pada masa depan, terutama di kawasan baru.

Idea seperti itu boleh dipraktikkan di semua negeri kerana langkah itu sedikit sebanyak memudahkan pihak berkuasa memantau pergerakan pekerja asing.

Umpamanya, kerajaan negeri boleh membina rumah kos rendah untuk pekerja asing yang terbabit dalam

Itu belum termasuk ‘pelancong hantu’ yang menyalahgunakan pas lawatan sosial atau visa ketibaan (VOA) untuk tinggal lebih masa di negara ini.

Amat jelas, kelemahan penguatkuasaan antara punca hampir setengah juta pendatang tanpa izin gagal di kesan setakat ini.

Lemah bukan bermakna kakitangan kerajaan gagal menjalankan tugas, tetapi disebabkan pelbagai faktor lain yang perlu diambil kira seperti rupa paras menyamai warga tempatan, kekuatan anggota berbanding keluasan kawasan tugas dan sebagainya.

Selain isu penguatkuasaan, perundangan dan pentadbiran, penyakit sosial di kalangan pekerja asing boleh dibendung atau dikawal pada tahap minimum jika ada kesedaran di kalangan rakyat tempatan.

Percintaan di antara gadis tempatan dan pekerja asing tidak akan berlaku jika setiap wanita terbabit boleh memikirkan impak negatif yang bakal diperoleh andai terlalu mengikut kata hati, begitu juga dengan isu suami hilang, sukar untuk berlaku jika wujudnya kerukunan rumah tangga.

Isu penyakit sosial hanya sinopsis daripada pelbagai kemelut membabitkan pekerja asing. Dari sudut positif, kehadiran pekerja asing terbukti banyak membantu pembangunan negara.

Mercu tanda Menara Berkecambah Petronas, Menara KL, Litar F1 Sepang, Stadium Nasional Bukit Jalil dan Pusat Pentadbiran Kerajaan Perse-

mana-mana projek berkaitan kerajaan dan kemudian menyewakan setiap unit rumah itu pada harga berpatutan.

Pergantungan terhadap pekerja asing akan berlaku dari semasa ke semasa, justeru, kerajaan negeri pasti tidak akan mempunyai masalah untuk menyerap kos pembinaan rumah kos rendah dalam jangka masa panjang.

Malah jika rumah yang dibina melebihi permintaan, ia boleh disewakan kepada pekerja asing yang terbabit di sektor swasta.

Katakan jika dua daerah berdekatan mempunyai satu penempatan pekerja asing, alangkah mudahnya aspek penguatkuasaan terutama bagi polis, imigresen, Rela dan sebagainya.

Jika kerajaan negeri tidak sanggup sekalipun, banyak pendekatan lain boleh digunakan untuk tujuan sama, seperti dana Kerajaan Pusat, inisiatif pembiayaan swasta atau perkongsian dana antara kerajaan dan swasta.

Berdasarkan perangkaan September lalu, terdapat 2.2 juta pekerja asing di negara ini, manakala 500,000 diktakan masuk secara haram.

kutuan di Putrajaya tidak akan menjadi kenyataan tanpa adanya pekerja asing.

Jasa itu adalah hakikat yang tidak mampu dinafikan rakyat tempatan. Tetapi ada perbezaan di antara kualiti dan kuantiti, umpama sebuah pasukan bola sepak.

Pemain berkualiti mampu mewujudkan pasukan gah yang mampu memenangi banyak kejuaraan, tetapi kuantiti pemain bertaraf rendah dan sederhana hanya membawa masalah kepada pasukan, begitu juga dalam konteks pekerja asing.

Dilema inilah yang perlu diatasi semua pihak sama ada pemimpin kerajaan, wakil rakyat, sektor swasta, tokoh akademik, pakar perundangan hinggalah orang kebanyakan - masing-masing ada peranan yang boleh dimainkan.

Jika buku Dilema Melayu karangan Tun Dr Mahathir sedikit sebanyak dikatakan mampu menyedarkan orang Melayu daripada lamunan, isu dilema Malaysia membabitkan pekerja asing harus ditangani sebaik-baiknya demi menjaga kebaikan dan kepentingan semua pihak.